



KEADAAN deretan unit kedai musnah yang dalam kebakaran di Jalan Hiliran.

Terima khabar duka malam raya

Kuala Terengganu: Seorang peniaga tidak menyangka panggilan diterima daripada rakan membawa khabar duka apabila kedai basikalnya di Jalan Hiliran di sini, musnah dalam kebakaran, malam kelmarin.

Dalam kebakaran jam 10.30 malam, Nik Mohd Zamri Abu Bakar, 35, menanggung kerugian hampir RM300,000.

Selain itu, kebakaran sama turut memusnahkan enam deretan kedai lain yang mengalami kerosakan antara 30 hingga 100 peratus.

Nik Mohd Zamri berkata, dia yang dalam perjalanan pulang ke kampung di Sungai Tong, Setiu sebelum menerima panggilan daripada rakannya memaklumkan kedainya terbakar.

Katanya, dia bergegas ke kedai basikal diusahakan bersama abangnya untuk melihat keadaan itu.

“Sebaik sampai, luluh hati saya melihat kedai bersama basikal untuk jualan serta beberapa stok baharu tiba musnah.

“Kebanyakan barang baharu sampai minggu ini, malah hari ini (kelmarin).

pun ada stok baharu sampai. Barang ada masih dalam kotak, jadi memang mudah terbakar,” katanya ketika ditemui di lokasi, di sini.

Katanya, dia memeriksa kedainya dengan baik sebelum menutup premis berkenaan dan tidak tahu kebakaran bermula daripada bahagian depan atau belakang kedai.

“Kami tidak tahu api (kebakaran) bermula dari mana kerana sebelum tutup

kedai, kami periksa. Jumlah kerugian tak tahu lagi, tetapi anggaran mungkin dalam RM300,000.

“Memang sedih, tetapi saya anggap ini dugaan buat kami pada malam raya,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Terengganu Md Hilman Abd Rashid berkata, lapan deretan kedai membabitkan kedai pakaian, basikal, aksesori dan mainan kanak-kanak musnah dalam kebakaran terbabit.

Menurutnya, sepasukan empat jentera bersama 30 anggota dikejarkan ke lokasi dan api marak membakar deretan kedai.

“
Memang sedih,
tetapi saya anggap
ini dugaan buat
kami pada malam
raya

Nik Mohd Zamri